



KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
NOTIS SEBUT HARGA KERJA
(TARIKH IKLAN: 25 MEI 2026)

KPK SH 01/2026

SEBUT HARGA SEMULA KERJA MENGUBAHSUAI DAN MENAIK TARAF RUANG PAMERAN DI LOBI UTAMA KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) di Wilayah Persekutuan Putrajaya dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang masih sah dalam Gred G1, Kategori B, Pengkhususan B28 (Kerja-kkerja Ubahsuai).

(Tempoh sah sijil-sijil hendaklah tidak kurang 90 hari dari tarikh tutup iklan ini)

2. Lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**. Pihak syarikat dibenarkan untuk hadir melaksanakan lawatan tapak (waktu bekerja sahaja) dengan memaklumkan kepada urus setia sekiranya perlu.
3. Dokumen Sebut Harga akan diedar secara **PERCUMA** mulai **4 Jun 2026** hingga **11 Jun 2026**, jam **9.00 pagi** hingga **4.30 petang** di Kaunter Unit Kewangan, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Pembangunan, Aras 6, Kementerian Perladangan dan Komoditi, Lot 2G4, Presint 2, 62654, W.P. Putrajaya. Syarikat perlu mengemukakan dokumen **wajib** iaitu Sijil CIDB, SPKK dan STB semasa pengambilan Dokumen Sebut Harga.
4. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri serta ditulis nombor rujukan sebut harga **KPK SH 01/2026** beserta tajuk sebut harga di sebelah atas sampul berkenaan dan dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga KPK, Unit Kewangan, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Pembangunan, Aras 6, Kementerian Perladangan dan Komoditi, Lot 2G4, Presint 2, 62654, W.P. Putrajaya** **TIDAK LEWAT DARI** jam 12.00 tengah hari, 12 Jun 2026 (Jumaat).
5. Dokumen yang **lewat diterima tidak akan dipertimbangkan** dan Kementerian **tidak akan bertanggungjawab** terhadap sebarang kehilangan, kelewatan dan sebagainya ke atas dokumen yang dihantar melalui perkhidmatan pos dan kurier. Kementerian ini juga tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berkenaan penyediaan dokumen sebut harga, serta tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran, dan tidak terikat untuk memberikan apa-apa maklum balas ke atas tawaran yang ditolak. Sebarang keputusan yang dibuat adalah muktamad.
6. Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Cik Ain Najihah binti Azmi (Perolehan/ 03-88803403/ ainnajihah@kpk.gov.my) atau Encik Muhammad Nazirul Afiq bin Mohd Johari (Spesifikasi/ 03-88878291/ nazirulafiq@kpk.gov.my).

.....
(**KHAIRUL FITRIAH BINTI RAMLI**)

Bahagian Khidmat Pengurusan dan Pembangunan
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perladangan dan Komoditi
Tarikh: 27 Mei 2026